

SH 20/11/2019 M/S 22

Lagi nelayan Vietnam ceroboh


Tujuh awak-awak termasuk tekong warga Vietnam ditahan

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Agenси Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman menahan sebuah bot nelayan asing Vietnam bersama tujuh awak-awak termasuk tekong warga negara Vietnam kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Terengganu.

Botterabit ditahan ketika kapal ronda Maritim Malaysia yang melakukan rondaan Op Iman di sekitar perairan Terengganu berjaya mengesan sebuah bot nela-



Rashidilhadi (tengah) menunjukkan antara spesies ikan yang dirampas dari bot nelayan Vietnam.

yan asing dipercayai dari Vietnam sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Bot berkenaan berjaya ditangkap pada jarak lebih kurang 101 batu nautika dari Kuala Kemaman, kira-kira jam 9.25 pagi kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, hasil pemeriksaan mendapati bot terbabit tidak

memiliki sebarang dokumen atau permit kebenaran yang sah daripada Jabatan Perikanan Malaysia untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan negara ini.

"Kesemua awak-awak termasuk tekong berusia 19 hingga 57 tahun yang diperiksa juga didapati tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot termasuk peralatan

menangkap ikan serta hasil laut seberat lebih kurang 300 kilogram dianggarkan bernilai RM400,000 berserta awak-awak dan tekong dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959," katanya.

Tegas beliau, Maritim Malaysia memandang serius isu pencerobohan nelayan asing dan akan memperting-



Penguat kuasa Maritim Malaysia memeriksa bot Vietnam pada jarak lebih kurang 101 batu nautika dari Kuala Kemaman.

info

Tangkapan bot nelayan asing ini adalah kes pertama di Terengganu tahun ini

katkan lagi rondaan dan kawalan di Zon Maritim Malaysia bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat dan terpelihara.

Sementara itu, tambah Rashidilhadi, sebanyak 88 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan direkodkan Maritim Malaysia Negeri Terengganu sepanjang tahun lalu.

"Penahanan bot ini pula

adalah tangkapan bot nelayan asing yang pertama di Terengganu bagi tahun ini," katanya.